



## **AZLAN CHE OTHMAN**

### **LATAR BELAKANG**

Azlan Che Othman merupakan anak jati Kuala Terengganu dan telah menunjukkan minatnya terhadap bidang Muzik sejak berusia 18 tahun dengan mula mempelajari cara bermain gitar pada ketika itu.

Beliau yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Muzik di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1985 mengambil pengkhususan violin klasikal.

Setelah menamatkan pengajiannya, beliau telah menyertai Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai pemain Violin pada tahun 1989 hingga tahun 2003 di mana beliau mengambil keputusan untuk menjadi pemain violin secara *freelance* sebelum beliau menyertai ASWARA sebagai Pensyarah Secara Tetap pada tahun 2015.

Beliau sering bergiat aktif di dalam industri muzik Malaysia dan telah terlibat dengan banyak persembahan antaranya sebagai pemain violin ketika *National Symphony Orchestra*. Beliau turut dijemput sebagai pemain violin undangan ketika *Asia Europe Festival Orchestra* pada tahun 2000. Beliau membuat persembahan di *National Symphony Orchestra* di Tokyo dan Osaka pada tahun 2004. Beliau juga membuat persembahan bagi *Opera* bersama *National Symphony Orchestra* dan menjalankan rakaman bagi selebriti Malaysia.

Semenjak itu, beliau telah mengajar alat muzik Violin di beberapa buah universiti tempatan termasuk di ASWARA.